



PETIKAN AKHBAR

Bayaran BPR tambahan bermula hari ini – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 30 JUN 2021

Bayaran BPR tambahan 3.0 juta penerima M40

KATEGORI PENERIMA	DATA	KELAYAKAN	
		ISI RUMAH	WARGA EMAS SEBATANG KARA / BUJANG
MISKIN B40	Penerima BPR daripada data e-Kasih dan bantuan JKM	352,668 RM500+RM500 +RM300 RM458 juta	325,862 RM200 + RM300 RM163 juta
B40	Penerima BPR	3,247,332 RM500 + RM300 RM2,598 juta	4,474,138 RM200 RM895 juta
M40	Data LHDN (isi rumah M40 dan bujang M40)	1,400,000 RM250 RM350 juta	1,600,000 RM100 RM160 juta
JUMLAH		5,000,000 RM3,406 juta	6,400,000 RM1,218 juta
JUMLAH BERSAMA		11,400,000 penerima	RM4,624 juta

an Bayaran :
 Ogos 2021
 November 2021
 Disember 2021

Penerima B40, B40 dan M40 (RM3.25 bilion)
 Penerima B40 (RM0.25 bilion)
 Penerima B40 & B40 (RM1.1 bilion)

BERNAMA

KUALA LUMPUR, 30 Jun – Pembayaran Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) Tambahan kepada 8.4 juta penerima yang layak dibuat secara berperingkat mulai hari ini melibatkan peruntukan berjumlah RM2.1 bilion.

Menteri Kewangan Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz berkata daripada keseluruhan penerima, seramai 3.6 juta merupakan isi rumah, satu juta adalah warga emas sama ada bujang atau tiada pasangan manakala 3.8 juta lagi merupakan individu bujang.

Menerusi BPR Tambahan itu, isi rumah berpendapatan RM2,500 dan ke bawah akan menerima RM500, isi rumah berpendapatan RM2,501-RM5,000 (RM300), manakala warga emas berpendapatan RM5,000 dan ke bawah serta individu bujang berpendapatan RM2,500 dan ke bawah menerima RM100.

"Pembayaran kepada semua penerima dibuat mulai 30 Jun hingga 2 Julai dengan cara dikreditkan terus ke dalam akaun.

"Penerima yang tidak mempunyai akaun bank, pembayaran dibuat secara tunai mulai hari ini melalui cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) dan pihak bank akan mengeluarkan panduan prosedur operasi standard (SOP) dan

semasa ke semasa," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kaedah pembayaran bagi penerima di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak yang tiada akaun bank akan dibuat secara tunai bersekali dengan pembayaran Fasa Tiga BPR melalui BSN dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Perbendaharaan Malaysia di kedua-dua negeri pada tarikh terdekat.

BPR adalah inisiatif bantuan tunai yang diperkenalkan kerajaan bagi memanfaatkan golongan B40 dengan pembayaran Fasa Satu dan Fasa Dua berjumlah RM4.68 bilion telah dibayar kepada 8.4 juta penerima masing-masing pada Februari serta Mei lepas.

Pada 31 Mei lepas, kerajaan mengumumkan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA Tambahan) bagi meredakan cabaran terutama ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dengan menambah baik Program BPR.

Tengku Zafrul berkata mengambil kira pembayaran Fasa Satu, Fasa Dua dan BPR Tambahan, bantuan tunai yang disediakan sehingga kini kepada hampir 8.4 juta penerima adalah sebanyak RM6.78 bilion, manakala jangkaan pembayaran Fasa Tiga pada September ini dianggarkan berjumlah RM2.32 bilion.

"Secara keseluruhannya, peruntukan berjumlah RM9.1 bilion telah disediakan oleh kerajaan bagi pelaksanaan BPR yang telah dan akan disalurkan kepada golongan B40," katanya.

Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK 1

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

PRICE OF PETROLEUM

HARGA MINYAK

BUDGET 2022